

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

TAHUN 2024

BAHASA MELAYU

KERTAS 3

SET 1

UJIAN BERTUTUR

NASKHAH PENTAKSIR

1. Modul ini mengandungi **lapan** soalan.
2. Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan **satu** soalan sahaja kepada setiap calon.

AMARAN

1. Modul ini ialah modul tertutup.
2. Kandungan modul ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Modul ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik peperiksaan sebaik sahaja peperiksaan modul tamat.



Isi Kandungan Taksiran Individu

Soalan 1: Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan - Semangat Perpaduan

Soalan 2: Sejarah dan Warisan - Keunikan Labu Sayong

Soalan 3: Pendidikan - Pendidikan STEM

Soalan 4: Integriti - Mendeapani Integriti

Soalan 5: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan - Rukun Negara

Soalan 6: Sejarah dan Warisan - Permainan Tradisional Ketingting

Soalan 7: Pendidikan - Pendidikan Alam Sekitar

Soalan 8: Integriti – Integriti Penjawat Awam

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEMANGAT PERPADUAN



Menurut Kamus Dewan Perdana, perpaduan merupakan penyatuan dan darjah, serta jenis penyatuan yang dipamerkan oleh sesebuah masyarakat, ataupun kumpulan dan jiran. Tanpa perpaduan, amat mustahil kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat boleh dicapai. Kepentingan perpaduan dalam membentuk sesebuah negara yang maju mampu meningkatkan ekonomi di sesebuah negara. Dengan wujudnya masyarakat yang aman dan harmoni, negara dapat menarik pelabur asing untuk melabur dan menjalankan aktiviti perdagangan. Kemasukan pelabur asing mempengaruhi kadar pertukaran wang yang membantu kepesatan ekonomi sesebuah negara. Sejak belakangan ini, Malaysia mengalami ketegangan politik yang menyebabkan pelabur asing menarik pelaburan mereka semula di Malaysia kerana bimbang berlakunya sesuatu di luar jangkaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Masyarakat 3 Februari 2023

SOALAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan?
2. Nyatakan kesan kemasukan pelabur asing.
3. Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan warga sekolah?
4. Jelaskan kesan-kesan kepada masyarakat sekiranya semangat perpaduan tidak diamalkan.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KEUNIKAN LABU SAYONG



Perusahaan seni tembikar tradisional memaparkan keindahan warisan tradisi. Seni tembikar merupakan hasil kraf tangan diperbuat daripada tanah liat. Tanah liat akan diuli, diterap dengan pelbagai corak, diasapkan dan dibakar untuk menghasilkan satu reka bentuk unik. Tembikar ini lebih dikenali sebagai labu sayong berwarna hitam yang banyak terdapat di Sayong, Kuala Kangsar, Perak. Perusahaan labu sayong tergolong dalam kategori pembuatan produk seramik. Peredaran zaman telah mengevolusikan kaedah pembuatannya daripada tradisional kepada moden. Idea membuat labu sayong ini tercetus daripada buah labu tua yang dikeluarkan isinya dan dibersihkan sebelum dijadikan bekas untuk menyimpan air. Rekaan corak permukaannya dihiasi motif alam sekitar seperti bunga padi, pucuk rebung, bunga cengkih dan geometri.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Budaya 24 Mac 2023

SOALAN

1. Apakah maksud seni tembikar?
2. Bagaimanakah teretusnya idea membuat labu sayong?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang kraf tangan?
4. Huraikan sebab-sebab produk kraf tangan perlu dipelihara.

MODUL TAMAT


BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

TEMA: PENDIDIKAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENDIDIKAN STEM



Pendidikan STEM berasal daripada singkatan SMET iaitu Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 memasukkan pendidikan STEM ke peringkat sekolah melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Pendidikan STEM juga menekankan konsep yang berpandukan komponen 4K1N iaitu komunikasi, kerjasama, kreativiti, pemikiran kritis dan nilai seperti yang terkandung dalam Pembelajaran Abad Ke-21 serta Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0, generasi muda perlu menguasai bidang STEM bagi melahirkan modal insan yang mahir dalam bidang teknologi pada masa hadapan. Penggunaan media dan teknologi sangat penting dalam usaha memperkasa budaya STEM. Selain itu, filem dan dokumentari berkisarkan STEM khususnya dalam bahasa Melayu perlu diperbanyak bagi membolehkan semua peringkat terutamanya generasi muda mendapat manfaat.

Dipetik dan diubah suai daripada
Harian Metro 8 Oktober 2018

SOALAN

1. Nyatakan konsep yang ditekankan dalam pendidikan STEM.
2. Apakah usaha yang dilakukan untuk memperkuat budaya STEM?
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan?
4. Jelaskan peranan pihak sekolah untuk memupuk minat murid-murid terhadap bidang sains dan teknologi.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA: INTEGRITI

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MENDEPANI INTEGRITI



Integriti bermaksud seseorang individu itu bertingkah laku berdasarkan prinsip moral. Namun begitu, nilai-nilai ini semakin terhakis dalam sanubari masyarakat. Isu integriti ini acap kali menjadi duri dalam daging terutamanya dalam kalangan penjawat awam. Senario ini terbukti apabila statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menunjukkan berlakunya peningkatan mendadak jumlah tangkapan dari tahun 2014 hingga 2021 yang mencatatkan kenaikan drastik daripada 552 kes kepada 1125 kes. Peningkatan gejala rasuah didorong oleh faktor mengejar kemewahan melalui jalan mudah, kesempitan hidup dan penguatkuasaan undang-undang yang longgar. Perkara ini tidak boleh dipandang enteng begitu sahaja, tetapi langkah segera perlulah diambil untuk menanganinya supaya masalah ini tidak semakin serius.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://mjsl.usim.edu.my/>

SOALAN

1. Apakah maksud integriti?
2. Nyatakan faktor-faktor peningkatan gejala rasuah.
3. Pada pendapat anda, mengapakah gejala rasuah perlu ditangani?
4. Huraikan langkah-langkah untuk menangani gejala rasuah.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

rukun negara



Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong keempat, sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia ke-13. Rukun Negara diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa ini telah mengganggu-gugat perpaduan kaum di Malaysia. Tragedi 13 Mei 1969 berpunca daripada kempen pilihan raya yang menimbulkan isu perkauman sensitif. Rukun Negara digubal dengan tujuan utama untuk membentuk perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat dan menjadi identiti rakyat Malaysia. Antara matlamat Rukun Negara adalah untuk mewujudkan masyarakat Malaysia ke arah mencapai perpaduan yang lebih erat. Bagi mencapai matlamat ini, terdapat lima prinsip Rukun Negara yang perlu difahami dan dihayati oleh setiap lapisan masyarakat. Oleh itu, rakyat perlu bersama-sama menghayati maksud keluhuran perlembagaan sebagai asas perpaduan dan pembinaan negara bangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 8 Januari 2021

SOALAN

1. Bilakah Rukun Negara diisytiharkan?
2. Nyatakan tujuan utama Rukun Negara digubal.
3. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha pihak sekolah untuk memupuk semangat cinta akan negara?
4. Huraikan kebaikan-kebaikan semangat cinta akan negara.

MODUL TAMAT


BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

TEMA: SEJARAH DAN WARISAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERMAINAN TRADISONAL KETINGTING



Permainan ketingting atau tingting merupakan sejenis permainan tradisi yang dimainkan oleh kanak-kanak lelaki dan perempuan. Permainan ini lebih disukai oleh kanak-kanak perempuan berbanding dengan kanak-kanak lelaki kerana permainan ini tidak melibatkan pergerakan lasak. Permainan tingting ialah sejenis permainan kanak-kanak dengan kaedah lompatan satu kaki dan dua kaki. Permainan ini juga tidak memerlukan ruang yang besar untuk dimainkan. Tingting dimainkan oleh sekumpulan kanak-kanak yang terdiri daripada dua hingga empat orang di dalam sebuah gelanggang. Hal ini dikatakan demikian kerana tiada peraturan yang tetap untuk jumlah orang di dalam satu gelanggang. Terdapat sembilan petak di dalam satu gelanggang yang biasanya dilukis di atas tanah. Selain gelanggang, pemain juga memerlukan gundu. Gundu ialah satu objek yang menandakan kedudukan mereka di petak-petak gelanggang.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://warisanmelayu.weebly.com/teng-teng.html>

SOALAN

1. Nyatakan sebab permainan kedingting disukai oleh kanak-kanak perempuan.
2. Apakah gundu dalam permainan kedingting?
3. Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah permainan tradisional?
4. Huraikan faktor-faktor golongan muda kurang meminati permainan tradisional.

MODUL TAMAT


BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA: PENDIDIKAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENDIDIKAN ALAM SEKITAR



Pada hari ini, kemerosotan mutu alam sekitar semakin meruncing sehingga menimbulkan pelbagai isu seperti banjir kilat dan pencemaran. Oleh itu, usaha berterusan perlu dilakukan bagi mendidik masyarakat agar lebih peka terhadap kepentingan menjaga alam sekitar. Usaha yang boleh diterapkan adalah dengan mengintegrasikan pendidikan alam sekitar dalam pengajaran baik di peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah mahupun di institusi pengajian tinggi. Penerapan pendidikan alam sekitar ini merupakan wadah penting yang tidak seharusnya dibebankan di bahu pendidik semata-mata. Dengan itu, generasi yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap aspek pemeliharaan alam sekitar dapat dilahirkan. Usaha ini perlu mendapat sokongan padu daripada semua pihak agar dapat meningkatkan kesedaran untuk memakmurkan alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 19 Oktober 2012

SOALAN

1. Apakah isu yang timbul disebabkan kemerosotan mutu alam sekitar?
2. Mengapakah pemeliharaan alam sekitar perlu mendapat sokongan padu daripada semua pihak?
3. Pada pendapat anda, mengapakah pencemaran alam sekitar perlu ditangani?
4. Huraikan peranan media massa dalam meningkatkan penjagaan alam sekitar.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA: INTEGRITI

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

INTEGRITI PENJAWAT AWAM



Perkhidmatan awam di Malaysia sering menjadi rujukan negara yang sedang membangun kerana tahap efisien dan integritinya tinggi. Namun begitu, kebanggaan ini kian luntur akibat kes rasuah dan salah laku yang sering dilaporkan di media massa. Diakui pelbagai usaha sudah dilaksanakan untuk mengukuhkan nilai integriti kakitangan awam termasuk penubuhan Institut Integriti Malaysia, Pelan Integriti Nasional dan Pelan Antirasuah Nasional, selain kewujudan unit integriti dan governan di semua jabatan serta syarikat berkepentingan kerajaan. Malah, usaha itu turut membabitkan transformasi Badan Pencegah Rasuah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Oleh itu, pembasmian rasuah hingga akar umbi mestilah dijadikan agenda utama kerajaan. Hal ini selaras dengan saranan mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam agar setiap pihak berusaha keras untuk menangani gejala rasuah supaya tidak berleluasa.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 17 Januari 2022

SOALAN

1. Mengapakah perkhidmatan awam Malaysia sering menjadi rujukan?
2. Nyatakan pelbagai usaha untuk mengukuhkan nilai integriti kakitangan awam.
3. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan jika tidak menepati masa?
4. Huraikan peranan pihak sekolah dalam mendidik murid-murid untuk menepati masa.

MODUL TAMAT

Isi Kandungan Taksiran Kumpulan

Soalan 1: Pelancongan

Soalan 2: Sukan dan Rekreasi

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 1

[30 Markah]

TEMA : PELANCONGAN

Terdapat pelbagai faedah sektor pelancongan kepada masyarakat dan negara.

Bincangkan.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 2

[30 Markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

Aktiviti sukan memberikan banyak manfaat kepada masyarakat dan negara.

Bincangkan.

MODUL TAMAT